

29/08/1998

Manik Sarawak jadi kalungan atlit Komanwel

KUCHING, Jumaat - Manik Sarawak akan menjadi kalungan bagi menyambut atlit dan rombongan negara peserta Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI (KL 98), bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mahu Manik Sarawak yang berwarna warni itu dijadikan kalungan pada temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

"Kita mahu manik menjadi kalungan untuk menunjukkan cara Malaysia menyambut tetamu, dengan harapan ia dapat dimulakan pada Sukom nanti," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), di Santubong, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu disambut dengan kalungan manik yang tertera huruf 'PBB' sebaik tiba untuk perasmian perhimpunan itu.

Menurutnya, beliau telah menyerahkan tanggungjawab merekabentuk manik untuk tujuan itu kepada Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu.

Manik adalah sebahagian daripada simbol status sosial dan kekayaan di kalangan kaum pribumi di Sarawak, khususnya kaum Kenyah, Bidayuh, Kelabit dan Kayan.

Ia dijadikan rantai leher, gelang, penutup kepala, bengkung dan diperturunkan dari generasi ke generasi. Sehingga kini budaya itu masih diamalkan.

Nilai manik berbeza-beza di antara satu kaum, misalnya kaum Kelabit yang tinggal di kawasan pedalaman dan Bidayuh di kawasan Barat Daya Sarawak menganggap manik kaca berwarna biru dan lut sinar atau hijau kebiru-biruan lebih tinggi nilainya dari jenis berbunga yang lebih digemari oleh jiran mereka.

(END)